

03 OCT 1999

LDP-Mahathir

LDP BERI SOKONGAN PADU KEPADA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 3 Okt (Bernama) -- Parti Liberal Demokratik (LDP) sebuah komponen Barisan Nasional (BN) hari ini memberikan sokongan padu dan kesetiaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara ini.

Untuk menyatakan sokongan tersebut, hanya satu resolusi dibentangkan pada kongres ke-10 parti itu di sini, dan ia adalah sokongan penuh kepada Dr Mahathir untuk memimpin BN dan Malaysia ke alaf baru.

Presiden LDP Datuk Chong Kah Kiat berkata parti itu boleh membentangkan banyak resolusi, tetapi tidak berbuat demikian kerana adalah penting bagi negara sekarang agar Dr Mahathir terus memimpin negara.

"Kami percaya adalah penting bagi Malaysia sekarang dipimpin oleh Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kongres itu.

"Saya percaya resolusi itu akan diluluskan sebulat suara oleh para perwakilan," katanya.

Dalam ucapannya Chong berkata anggota parti perlu meneruskan perjuangan politik untuk BN.

"Adalah penting bagi anggota parti untuk memastikan BN menang dengan majoriti besar dalam pilihan raya umum yang akan datang.

Sokongan padu untuk BN akan menunjukkan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia mengutuk rusuhan jalan raya yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu, katanya.

"Semua rakyat Malaysia yang cintakan keamanan bangga dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri kita," kata presiden LDP itu.

Chong juga meminta pemimpin parti itu agar menyudahkan "agenda yang belum selesai" untuk mewujudkan kepimpinan pelapis untuk membawa parti itu menempuh cabaran alaf baru.

LDP ditubuhkan pada bulan Ogos 1989 dan sekarang mempunyai keanggotaan seramai kira-kira 50,000 dan mempunyai 22 bahagian di negeri itu.

Kongres parti itu hari ini, yang tidak akan mengadakan pemilihan kepimpinan parti, dihadiri seramai 1,000 perwakilan dari pergerakan wanita dan pemuda.

-- BERNAMA

JS RI